

13/08/1997

Tahap kebersihan di Langkawi belum memuaskan

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

SEPANJANG minggu lalu, isu kebersihan menjadi tajuk perbualan ramai selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melenting berikutan kekotoran di sekitar kawasan Bukit Bintang, di Kuala Lumpur.

Ia timbul selepas Perdana Menteri Pakistan, Nawaz Shariff berjalan kaki bersama Datuk Tajol Rosli Ghazali (Timbalan Menteri Dalam Negeri) dari pusat beli-belah Lot 10 ke Hotel Regent, tempat penginapannya.

Walaupun, Nawaz tidak mengadu keadaan kotor yang dilihatnya, Tajol Rosli memaklumkan kepada Dr Mahathir, pemimpin Pakistan itu mungkin melihatnya.

Kita berasa hairan juga kerana Bukit Bintang yang dikatakan segitiga emas Kuala Lumpur kerana menempatkan pelbagai hotel bertaraf antarabangsa, syarikat tempatan dan asing boleh menjadi begitu kotor.

Seperti di Langkawi, Bukit Bintang juga menjadi tumpuan pelancong asing membeli-belah dan membuat pelbagai urusan berkaitan perniagaan.

Sepatutnya, kawasan yang menjadi tumpuan pelancong atau ahli perniagaan asing mesti dijaga supaya sentiasa bersih dan sejuk mata memandang.

Di Langkawi pun sebenarnya, tahap kebersihannya tidak sehebat mana. Masih banyak sampah di merata tempat, terutama pantai yang dicemari pelbagai sampah sarap yang ditinggalkan pengunjung.

Di Kuah yang jalannya sedang dibaiki dan ditokok kerja menanam saluran paip air serta kabel memburukkan lagi pemandangan. Kita tidak menyalahkan pihak yang menjalankan kerja berkenaan kerana ia perlu untuk penyediaan kemudahan infrastruktur Langkawi.

Tetapi, dalam masa yang sama, jangan pula kebersihan diabaikan. Selain meminta orang ramai bertanggungjawab memulihara alam sekitar dan menjaga kebersihan, pihak berwajib juga perlu menunaikan tanggungjawab mereka.

Sudahlah kedai atau gerai makan di tepi jalan dipenuhi dengan habuk, persekitarannya pula kotor dengan batu-bata dilonggok di tepi jalan dan sampah sarap peniaga tidak dikendali mengikut cara sebenarnya, Berikutan itu, Majlis Daerah Langkawi (MDL) perlu memberi perhatian sebelum Dr Mahathir melenting mengenai tahap kebersihan Langkawi yang bakal menyambut kehadiran peserta dan pengunjung Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima), Disember ini.

Selain itu, kebersihan Langkawi perlu diberi perhatian lebih serius kerana pulau lagenda ini menerima lebih banyak pelancong berbanding Bukit Bintang.

Kita juga ingin memberi pandangan bahawa bagi menjaga kebersihan, saman atau tindakan mendakwa mereka terbabit terbabit di mahkamah tidak perlu jika jiwa anggota masyarakat Malaysia sendiri sudah bersih.

Islam juga menuntut umatnya menjaga kebersihan. Bukan saja makanan yang perlu bersih, jiwa juga perlu bersih daripada semua bentuk kekotoran.

Maksudnya amat jelas, iaitu jiwa atau rohani yang bersih akan melahirkan manusia yang jasmaninya turut bersih.

Justeru, penguatkuasaan tidak perlu jika jiwa masyarakat kita bersih. Tetapi, jika tiada pilihan, penguatkuasaan undang-undang adalah jawapan untuk menghukum mereka yang berjijwa kotor.

(END)